



# PROGRAM PENGAJIAN & PENGUJIAN DARUL QURAN





## VISI

Melahirkan generasi al-Quran yang bertakwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah.

## MISI

Mendidik dan melatih pelajar dalam bidang Tahfiz al-Quran, Qiraat dan Ulum Islamiyah.

## PENGENALAN AM DARUL QURAN

Darul Quran merupakan sebuah Institusi Pendidikan Tahfiz yang terkemuka di Malaysia dan merupakan salah satu bahagian di JAKIM. Institusi ini telah melalui beberapa fasa perubahan pengurusan, pertukaran nama, serta perpindahan lokasi sebelum secara rasmi dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di JAKIM pada tahun 1997 dengan nama Darul Quran. Pada 1 November 1998, kampus tetap Darul Quran telah dibangunkan di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor, di atas kawasan seluas 202.99 ekar yang merangkumi tanah dan tasik.

Kini, kompleks ini mampu menempatkan lebih 1,000 pelajar dalam pelbagai program pengajian pada satu-satu masa.

## OBJEKTIF

- **Melahirkan *huffaz***, (Hafiz & Hafizah) yang mahir dalam pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran dan pengajian Islam bagi memelihara kesucian dan kesahihan al-Quran serta menyelesaikan isu-isu keagamaan dalam masyarakat.
- **Melahirkan *qurra'*** (Ahli Qiraat) yang mahir dalam bacaan al-Quran dan al-Qiraat.
- **Melahirkan *du'at*** (Pendakwah), pendidik dan imam yang terlatih serta profesional melalui pengajian ilmu-ilmu al-Quran dan pengajian Islam.

## FALSAFAH

Jalinan antara Hizf al-Quran dan Ulum Islamiyah serta akhlak mahmudah pemangkin ke arah membentuk huffaz yang cemerlang dan ummah yang dinamik.

# PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN SECARA KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

## PENGENALAN

Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian USIM di Darul Quran adalah selama 3 tahun (6 semester) bermula sejak tahun 2009 melalui Memorandum Perjanjian (MoA) antara JAKIM dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Program ini memperoleh perakuan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2012. Pada 23 November 2021, Audit Pematuhan MQA-04 telah dijalankan di DQ dan pada 30 Ogos 2022, Jawatankuasa Akreditasi MQA bersetuju mengekalkan Perakuan Akreditasi bagi program ini.



## TEMPOH PENGAJIAN

6 Semester

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Mempunyai Diploma Tahfiz al-Quran Dan al-Qiraat Darul Quran JAKIM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.70 (sertakan transkrip akademik daripada semester satu hingga semester akhir);

**DAN**

2. Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (**Gred C/6C**) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:

Bahasa Arab / Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab Komunikasi / AL-Lughah AL-Arabiah AL-Mu'asirah/ Turath Bahasa Arab/ AL-Adab Wa AL-Balaghah

**DAN**

3. Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (**Gred C/6C**) pada peringkat SPM dalam mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran berikut:

Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Syariah Islamiyyah / Pendidikan AL-Quran dan As-Sunnah / Hifz AL Quran/ Maharat AL Quran/ Usul AL-Din / AL-Syariah / Turath Dirasat Islamiah/ Turath AL-Quran dan AL-Sunnah / Manahij AL-'Ulum AL-Islamiah.

**DAN**

4. Mendapat sekurang-kurangnya Lulus (**Gred E/8E**) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

**DAN**

5. Mendapat sekurang-kurangnya **Band 1.0** dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 tahun 2021 atau **Band 1** untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.



# PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

## PENGENALAN

Program Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat adalah selama 3 tahun (6 semester) merupakan hasil daripada siri perkembangan program asal penubuhan Darul Quran sejak tahun 1966. Program ini telah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bermula tahun 1983 serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bermula tahun 2018. DQ menawarkan 6 syukbah pengajian iaitu Syukbah Qiraat, Syukbah Dakwah, Syukbah Syariah, Syukbah Hadis, Syukbah Muamalat dan Syukbah Pengurusan Halal..

## TEMPOH PENGAJIAN

6 Semester

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Beragama Islam
- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak melebihi 21 tahun pada tarikh pendaftaran
- Tidak berkahwin
- Lulus:
  - SPM tahun semasa, Percubaan SPM tahun semasa, Keputusan Peperiksaan Tingkatan 5 tahun semasa.
- dengan syarat minimum **Gred C** dalam mata pelajaran berikut:

### MATA PELAJARAN

Bahasa Melayu

dan

### MATA PELAJARAN

Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Usuluddin / Turath al-Quran dan Sunnah / Manahij al-Ulum al-Islamiah / Turath Dirasat Islamiah / Maharat al-Quran;

atau

- Lulus Bahasa Arab; dan
- Lulus Bahasa Inggeris.
- Kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia; dan
- Lulus ujian temu duga yang dijalankan oleh Darul Quran.
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat kepujian (C) dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

# PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN JAKIM-IIUM

## PENGENALAN

Program Pensijilan Tahfiz al-Quran yang diperkenalkan pada tahun 2000 merupakan inisiatif kerjasama antara Darul Quran JAKIM dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam serta swasta. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian akan dianugerahkan Sijil Tahfiz al-Quran oleh JAKIM dan seterusnya melanjutkan pengajian dalam bidang profesional di IPT yang terlibat. Pelaksanaan program ini terbahagi kepada dua bentuk. Bagi kerjasama antara JAKIM dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pelajar mengikuti pengajian tahfiz sepenuhnya di Darul Quran sebelum menyambung pengajian profesional di UIAM. Manakala bagi kerjasama dengan IPT lain seperti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), University of Cyberjaya (UoC), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Management and Science University (MSU), Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), program tahfiz dan pengajian profesional dilaksanakan secara serentak.



## TEMPOH PENGAJIAN

3 Semester

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia.
- Bumiputera (Keturunan Melayu, Orang Asli Semenanjung, Anak Negeri Sabah dan Anak Negeri Sarawak).
- Belum berkahwin.
- Lulus Peperiksaan SPM tahun semasa dengan mendapat:

1. Minima **Gred B** dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran berikut:

### MATA PELAJARAN

- Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syaria'ah Islamiah / Pendidikan Islam / Usul al-Din / Turath al-Quran dan al-Sunnah / Al-Syariah / Manahij al-'Ulum al-Islamiah / Turath Dirasat Islamiah / Maharat al-Quran / Hifz al-Quran.

2. Minima **Gred C** bagi semua mata pelajaran berikut:

### MATA PELAJARAN

- Bahasa Melayu
- Matematik
- Bahasa Arab / Al-Adab wa al-Balaghah / Al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah / Turath Bahasa Arab
- Bahasa Inggeris / Kesusasteraan Bahasa Inggeris

3. Mendapat **Gred C** daripada mana-mana dua (2) dalam mata pelajaran berikut:

### ALIRAN SAINS

### MATA PELAJARAN

Fizik	Biologi
Kimia	Matematik Tambahan

atau

Mendapat gred B untuk mana-mana dua (2) mata pelajaran berikut:

### ALIRAN SASTERA

### MATA PELAJARAN

Sains	Perniagaan
Sains Tambahan	Ekonomi
Prinsip Akaun	Pengajian Keusahawanan

- Lulus temu duga dan ujian yang ditetapkan.
- Pemohon hendaklah memilih UIAM sebagai Pilihan Utama melalui UPUOnline (sebagai Prasyarat Kelayakan).

# PROGRAM SIJIL ASAS TAHFIZ

## PENGENALAN

Program pengajian ini adalah selama tiga semester dan ditawarkan khusus kepada pelajar daripada kategori Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan, mualaf, peribumi Sabah dan Sarawak, serta etnik Orang Asli. Sepanjang tempoh pengajian, pelajar diwajibkan menghafaz 10 juzuk



(juzuk 1 - 9 dan juzuk 30) al-Quran serta mempelajari subjek seperti Tajwid, Bahasa Arab, Fiqh, Tafsir, dan Aqidah. Bagi pelajar OKU Penglihatan, mereka turut diajar Al-Quran Braille, manakala pelajar luar negara akan mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Graduan yang berkelayakan berpeluang menyambung pengajian ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran JAKIM, tertakluk kepada syarat kemasukan yang ditetapkan.

## TEMPOH PENGAJIAN

3 Semester

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Beragama Islam.
- Warganegara Malaysia.
- Terdiri daripada kategori OKU Penglihatan / Mualaf / Peribumi Sabah & Sarawak / Etnik Keturunan Orang Asli.
- Berumur antara 17 hingga 25 tahun.
- Lulus Peperiksaan SPM dengan mendapat minimum Gred C bagi mata pelajaran berikut:

### MATA PELAJARAN

Bahasa Melayu

dan

### MATA PELAJARAN

Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Usuluddin / Turath al-Quran dan al-Sunnah / Al-Syariah / Manahij al-'Ulum al-Islamiah / Turath Dirasat Islamiah / Maharat al-Quran.

- Tidak berkahwin.
- Boleh menulis jawi.
- Sihat tubuh badan dan mental yang baik.
- Berkebolehan membaca al-Quran dengan baik dan lancar (al-Quran Braille bagi kategori OKU Penglihatan sahaja).
- Lulus Temu Duga.



## PENGENALAN

Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang Pengurusan Masjid merupakan hasil kerjasama antara Darul Quran dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang mula dilaksanakan pada 24 Jun 2015. Bagi meningkatkan kompetensi perantis, Darul Quran seterusnya melaksanakan program peningkatan tahap iaitu Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 pada 1 Mac 2018, diikuti dengan pelaksanaan program Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Tahap 5) pada 1 Ogos 2022 secara latihan modular. Seiring dengan perkembangan pendidikan tahfiz di negara ini, Darul Quran turut melaksanakan program SKM dalam bidang Pengurusan Tahfiz Tahap 3 yang bermula pada Oktober 2018.

## TEMPOH PENGAJIAN

18 Bulan

## PROGRAM KEMAHIRAN MALAYSIA (SIJIL DAN DIPLOMA)

## SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- Beragama Islam
- Lelaki sahaja
- Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun dan ke atas
- Telah menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya 5 juzuk
- Mengetahui asas al-Quran dan Fardhu Ain
- Belum berkahwin
- Sihat tubuh badan
- Tidak mempunyai penyakit kronik
- Tidak merokok (termasuk rokok elektronik)
- Berakhlak mulia
- Sekurang-kurangnya mempunyai *intelligence quotient* (IQ) pada tahap sederhana
- Berminat untuk mengikuti program SKM
- Pelajar disyaratkan untuk mengikuti Program SPHB
- Lulus temuduga

# SIJIL TAHFIZ MALAYSIA (STM)

## PENGENALAN

Sijil Tahfiz Malaysia (STM) merupakan sistem peperiksaan bagi mengiktiraf penghafaz al-Quran yang telah menghafaz 30 juzuk. Sijil ini diperkenalkan pada tahun 2011. Selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), STM dijenamakan semula sebagai Sijil Tahfiz Malaysia 2.0 pada tahun 2024, dengan penambahbaikan dalam aspek penilaian bagi memperkasakan pendidikan tahfiz di Malaysia. Antara objektif utama STM adalah untuk memberi perakuan dan pengiktirafan rasmi kepada para huffaz, menggalakkan masyarakat Islam di Malaysia untuk menghafaz al-Quran, serta membuka peluang kepada individu yang tidak mendapat pendidikan formal untuk memperoleh sijil khas dalam bidang tahfiz.



## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- Warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun dan ke atas.
- Telah menghafaz al-Quran 30 juzuk.
- Mengemukakan sijil tamat hafazan atau surat pengesahan
- Yuran pendaftaran adalah sebanyak RM150.00\* melalui kiriman wang.
- Permohonan boleh dikemukakan secara atas talian (online) melalui portal rasmi Darul Quran JAKIM.

\* *Tertakluk pada pindaan*

## KAEDAH PENILAIAN

Calon perlu menjalani tiga kategori ujian penilaian iaitu:

- i. Ujian Hifz Al-Quran Syafawi;
- ii. Ujian Hifz Al-Quran Tahriri; dan
- iii. Ujian Pengetahuan Agama Islam.

## TARAF LULUS

Calon perlu lulus dalam ketiga-tiga komponen penilaian. Kegagalan dalam mana-mana satu komponen akan menyebabkan calon dianggap gagal keseluruhan. Bagi Ujian Hifz al-Quran secara syafawi dan tahriri, calon wajib memperoleh markah minimum 55%, manakala bagi Ujian Pengetahuan Agama Islam, markah minimum yang ditetapkan ialah 40%.

# SIJIL PERAKUAN HAFAZAN BERTAHAP (SPHB)

## PENGENALAN

Sijil Perakuan Hafazan Bertahap (SPHB) ialah inisiatif Darul Quran yang memberi pengiktirafan kepada para huffaz secara bertahap, khususnya bagi yang belum menghafaz 30 juzuk sepenuhnya. Ia selaras dengan agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang menyasarkan 125,000 huffaz profesional menjelang 2050. SPHB bertujuan melahirkan individu yang menghafaz al-Quran serta menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran berteraskan nilai Quranik. Selain itu, SPHB menjadi laluan ke arah memperoleh Sijil Tahfiz Malaysia (STM) dan terbuka kepada calon dari institusi atau pusat pengajian berdaftar.



## PEPERIKSAAN SPHB

Peperiksaan dilaksanakan 2 kali setahun. Pelajar diberi kebebasan untuk memilih sesi peperiksaan berdasarkan kemampuan hafazan masing-masing. SPHB mempunyai 3 tahap peperiksaan dan mempunyai 2 komponen penilaian iaitu:

### TAHAP PEPERIKSAAN

1. Tahap 1: Hifz al-Quran Syafawi 1 & Hifz al-Quran Tahriri 1 (Juzuk 1-5)
2. Tahap 2: Hifz al-Quran Syafawi 2 & Hifz al-Quran Tahriri 2 (Juzuk 1-10)
3. Tahap 3: Hifz al-Quran Syafawi 3 & Hifz al-Quran Tahriri 3 (Juzuk 1-20)

Calon yang berjaya dalam peperiksaan SPHB akan dianugerahkan sijil berdasarkan tahap peperiksaan yang diduduki. Calon yang ingin menduduki peperiksaan Tahap 3 perlu lulus Tahap 1 dan 2 terlebih dahulu. Selesai Tahap 3, calon layak menduduki peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia, dengan syarat:

- Selesai mengikuti Pengajian Hafazan Juzuk 21-30
- Selesai mengikuti Pengajian Subjek Pengetahuan Agama Islam.
- Memiliki Sijil Khatam Hafazan dari institusi.

## SYARAT-SYARAT PEPERIKSAAN SPHB

Warga Malaysia atau pemastautin tetap yang sedang mengikuti pengajian di pusat pembelajaran bertauliah (PPB) SPHB

# KENAPA PILIH DARUL QURAN?



## Kerjasama dan Pengiktirafan Darul Quran

Darul Quran menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta serta memperoleh pengiktirafan dari badan berwibawa seperti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).



## Yuran Pengajian dan Biasiswa

Yuran pengajian **TIDAK DIKENAKAN. BIASISWA AKAN DIBERIKAN** kepada pelajar-pelajar Darul Quran yang layak oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



## Silibus Lengkap

Silibus pengajian di Darul Quran merangkumi kurikulum komprehensif yang menggabungkan pengajian al-Quran, Sunnah dan ilmu agama dengan kemahiran profesional. Program pengajian direka untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan mendalam mengenai al-Quran dan disiplin ilmu agama serta kemahiran yang diperlukan dalam bidang profesional seperti pengurusan masjid, tahfiz dan bidang akademik.



## Prospek Kerjaya

Darul Quran menyediakan pelbagai peluang kerjaya dalam bidang pendidikan, pengurusan masjid dan sektor profesional berkaitan agama. Graduan boleh menceburi pelbagai jawatan dalam institusi pendidikan, agensi kerajaan dan sektor swasta, dengan kemahiran yang relevan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.





## KEMUDAHAN

Darul Quran merupakan sebuah kampus yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi aktiviti pembelajaran dan pengajaran seperti Bilik Kuliah, Auditorium, Dewan Mukhtar, Makmal Bahasa, Makmal al-Quran, Makmal Komputer, Perpustakaan, Kompleks Sukan, Pusat Islam serta Kolej Kediaman.

## CARA PERMOHONAN

Permohonan kemasukan adalah secara online dalam tempoh iklan sahaja melalui laman sesawang rasmi Darul Quran; [www.darulquran.gov.my](http://www.darulquran.gov.my)





Facebook




Instagram



Twitter



Youtube



Laman Sesawang

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Darul Quran JAKIM**

Jalan Hamzah, Ampang Pecah,  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

Tel: +603-60635333

Faks: +603-60645497

E-mel: [info\\_dq@islam.gov.my](mailto:info_dq@islam.gov.my)

